

27/12/2001

Ugutan bunuh bukan budaya Malaysia

BERLAWANAN dengan budaya masyarakat negara ini, ugutan bunuh bukan lagi sesuatu yang asing. Sama ada kecewa dengan gerakan penguatkuasaan atau atas kepentingan politik, ada pihak yang memilih tindakan berkenaan untuk melepaskan kemarahan. Ketika Kerajaan Selangor mengarahkan gerakan besar-besaran bagi membanteras kegiatan arked video haram pada Oktober tahun lalu, mereka yang terasa bahangnya turut membuat ugutan bunuh. Ini diulangi Julai lalu apabila kerajaan melancarkan operasi membasmi cakera padat video (VCD) lucuh dan cetak rompak serta pusat permainan video hingga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin, tidak terkecuali menerimanya.

Pada Mac 1999, ugutan bunuh turut dibuat terhadap Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Ugutan melalui bekas Menteri Besar Kedah, Tan Sri Osman Aroff, ketika itu bertujuan agar Perdana Menteri membatalkan lawatan rasmi dua harinya ke Kedah. Polis turut menerima laporan berhubung penyebaran pita rakaman yang dikatakan mengandungi arahan membunuh Dr Mahathir selain pelbagai tohmahan dan fitnah terhadap pemimpin Umno. Sekalipun tiada ugutan bunuh berkenaan yang benar-benar dilaksanakan, kepekaan polis yang memandang serius perkara itu selain mengambil langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan sebarang kejadian tidak diingini, tidak juga boleh dinafikan.

Kini, ugutan bunuh kembali menjadi sebutan. Kononnya satu pakatan yang didalangi beberapa ahli politik tempatan mengupah seorang pembunuh upahan dengan mensasarkan Dr Mahathir dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dalam tempoh sebulan dua ini. Sekalipun kesahihan wujudnya komplot seperti itu belum dapat dipastikan, polis sudah melakukan yang sepatutnya dengan menjalankan siasatan rapi. Di samping khabar angin seperti itu boleh memberi kesan negatif kepada ekonomi dan keharmonian negara secara keseluruhan, budaya ugut-mengugut dan rancangan membunuh pemimpin bukanlah satu amalan dalam masyarakat negara ini dan ia perlu dihentikan serta-merta.

Berbeza dengan di Barat yang mengagungkan kebebasan, tetapi pemimpinnya sendiri tidak bebas untuk bergaul dengan masyarakat, sebaliknya sentiasa dikawal rapi. Di Malaysia tradisi kepemimpinan negara ini dari zaman Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj lagi sentiasa mendekati rakyat. Baik dalam majlis rasmi atau sebaliknya serta majlis rumah terbuka sempena sesuatu perayaan, rakyat bebas bertentang mata dengan pemimpin tanpa sekatan. Adalah sesuatu yang malang jika tradisi kunjung-mengunjungi pemimpin yang selama ini dapat meningkatkan persefahaman selain mengeratkan silaturahmi, terpaksa dikorbankan hanya kerana wujud ancaman terhadap keselamatan atau sekadar kebimbangan terhadap kemungkinan berkenaan.

Selain perbuatan pengecut, ugutan bunuh yang sinonim dengan sesetengah negara adalah budaya buruk yang tidak harus dicontohi di negara ini. Kalau pun wujud rasa tidak puas hati, pelbagai saluran tersedia untuk membangkitkannya. Proses demokrasi turut membenarkan kepemimpinan ditukar ganti melalui pilihan raya tanpa perlu memilih jalan keganasan dan pertumpahan darah. Sikap pemimpin negara yang mudah didekati rakyat dengan sendirinya menunjukkan keterbukaan mereka dalam pelbagai perkara. Nilai-nilai seperti inilah yang harus dipertahankan, bukan membiarkan segelintir pihak yang kecewa melakukan sewenang-wenangnya. Rakyat Malaysia yang cintakan keamanan dan keharmonian tidak sekali-kali akan memilih keganasan sebagai jalan penyelesaian.

(END)